



RADIO TELEVISYEN MALAYSIA
JABATAN PENYIARAN MALAYSIA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
Wisma TV, Angkasapuri
50614 Kuala Lumpur

Tel. : 03-22825333 (Talian Am)
Faks : 03-22847591
Laman Web : www.rtm.gov.my



Ruj Tuan :
Ruj. Kami : RTM/ICT/06/01()
Tarikh : 28 Jun 2018

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg.Dato' / Datin / Tuan / Puan,

TATACARA KELULUSAN PELAKSANAAN PROJEK ICT BAGI JABATAN PENYIARAN MALAYSIA

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Pihak Urus Setia JPICT RTM ingin memaklumkan bahawa setiap Bahagian / Seksyen / Negeri yang bercadang untuk memohon kelulusan teknikal Projek ICT di Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan Penyiaran Malaysia agar mematuhi **Proses Kelulusan Projek ICT Jabatan Penyiaran Malaysia** seperti di **Lampiran A** yang telah ditetapkan selaras dengan keperluan di dalam **Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam**.

3. Selain itu, setiap Bahagian / Seksyen / Negeri juga boleh merujuk **Tatacara Kelulusan Projek ICT di Mesyuarat JPICT** seperti di **Lampiran B1** dan **Tatacara Kelulusan Projek ICT Secara Edaran** seperti di **Lampiran B2**. Senarai borang dan format dokumen berkaitan seperti di **Lampiran C** dan boleh dimuat turun dari Portal Rasmi Jabatan Penyiaran Malaysia di menu Pengguna > Borang.

4. Berikut adalah jenis Projek ICT yang **perlu mendapat Kelulusan Teknikal Mesyuarat JPICT Jabatan Penyiaran Malaysia** adalah seperti di **Lampiran D**.

5. Selain itu, terdapat beberapa syarat lain juga perlu dipatuhi bagi Projek ICT yang ingin dilaksanakan iaitu :

- a. **Tempoh sah laku** kelulusan teknikal Mesyuarat JPICT Jabatan Penyiaran Malaysia adalah untuk tempoh **3 tahun sahaja** dari tarikh surat kelulusan; dan

- b. Projek ICT boleh di buat bersama perkakasan bukan ICT. Jika **perkakasan ICT adalah keperluan utama projek maka ia dikategorikan sebagai Projek ICT.**

6. **Tatacara Kelulusan Projek ICT TIDAK TERPAKAI** bagi skop perolehan seperti berikut tanpa perlu mengambil kira nilai Projek ICT tersebut :

- a. Penyelenggaraan peralatan ICT / Sistem Aplikasi tanpa melibatkan sebarang perubahan;
- b. Perkhidmatan ICT yang memerlukan perolehan lanjutan tempoh dan tiada sebarang perubahan dari skop asal. (Contoh : Sewaan Talian Internet, Hosting
- c. Peralatan Teknologi Baharu dan bertujuan untuk *Research and Development*;
- d. Perolehan bukan ICT digabung bersama keperluan peralatan ICT namun peralatan ICT bukanlah komponen utama projek; dan
- e. Komponen alat ganti, barang pakai habis, aksesori, perabot komputer, kamera, telefon pintar, *hard disk, thumb drive, CD / DVD* dan seumpamanya.

7. Bagi memudahkan perancangan, berikut ditetapkan takwim Mesyuarat JPICT Jabatan Penyiaran Malaysia bagi tahun 2018 untuk panduan :

BILANGAN MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	TARIKH AKHIR TERIMA PERMOHONAN
JPICT Bil. 1/2018	5 Februari 2018 (Isnin)	29 Januari 2018 (Isnin)
JPICT Bil. 2/2018	9 Julai 2018 (Isnin)	4 Julai 2018 (Rabu)
JPICT Bil. 3/2018	12 Oktober 2018 (Jumaat)	5 Oktober 2018 (Jumaat)

* Tarikh Mesyuarat adalah bergantung kepada tarikh Mesyuarat JPICT KKMM.

8. Permohonan kelulusan bagi projek ICT dibuka sepanjang tahun berdasarkan Jadual Had Nilai dan Peringkat Kelulusan Teknikal Projek ICT Jabatan Penyiaran Malaysia seperti yang dinyatakan di **Lampiran E**. Kertas yang diterima melewati tarikh mesyuarat yang telah ditetapkan akan dibawa ke mesyuarat seterusnya.

9. Sebarang kemusykilan berkaitan tatacara kelulusan Projek ICT ini boleh merujuk terus dengan Urus Setia JPICT RTM melalui emel **saict@rtm.gov.my** atau nombor telefon berikut : **03-22888796**. Pegawai yang boleh dihubungi berkaitan urusan ini adalah Puan Farawahida bt Mohd Ali dan Puan Nur Suhailin bt Suhaimi.

10. Kerjasama dan perhatian Y.Bhg. Dato'/ Datin / Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(ABDUL MUIS BIN SHEFII)
b.p Ketua Pengarah Penyiaran
Jabatan Penyiaran Malaysia

☎ : 03-2288 7546
☎ : 03-2284 4217
✉ : maui@rtm.gov.my

s.k.

Pengarah Bahagian Pembangunan Strategik

Pengarah Bahagian Berita Ehwai Semasa

Pengarah Bahagian Program Radio

Pengarah Bahagian Program TV

Pengarah Pusat Siaran dan Kawalan Rangkaian Multichannel

Pengarah Perkhidmatan Teknikal

Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Pengarah Pembangunan Fasiliti

Pengarah Perkhidmatan Muzik

Pengarah Media Digital Interaktif

Pengarah Bahagian Pemasaran & Promosi

Pengarah Bahagian Perhubungan Raya

Ketua Unit Integriti

Untuk makluman
YBhg Dato' / Datin
/ Tuan / Puan

SENARAI EDARAN :

1. Jabatan Penyiaran Labuan
Labuan Tingkat 9 Blok 4, Kompleks Ujana Kewangan
87023 Wilayah Persekutuan Labuan
2. Jabatan Penyiaran Pulau Pinang
Peti Surat 433, Jalan Burma,
10350 Georgetown, Pulau Pinang
3. Jabatan Penyiaran Perak
Kompleks Bersepadu KKMM,
Jalan Raja Musa Mahadi,
31400 Ipoh, Perak
4. Jabatan Penyiaran Selangor
Bangunan IPPTAR, Jalan Pantai Baharu,
59700 Kuala Lumpur
5. Jabatan Penyiaran Johor
Jalan Tasek Utara,
80990 Johor Baru, Johor
6. Jabatan Penyiaran Sabah
Kompleks Bersepadu Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia,
Off Lintas Kepayan, Beg Berkunci 2022,
88200 Kota Kinabalu, Sabah
7. Jabatan Penyiaran Sarawak
Bangunan R.T.M, Jalan P. Ramlee,
93614 Kuching, Sarawak
8. Jabatan Penyiaran Kedah
Kompleks Penerangan & Penyiaran Sultan Abdul Halim,
KM 3, Jalan Kuala Kedah,
05400 Alor Setar, Kedah
9. Jabatan Penyiaran Terengganu
Bukit Apil, Jalan Air Jernih, Peti Surat 63,
20914 Kuala Terengganu
10. Jabatan Penyiaran Kelantan
Peti Surat 143,
15710 Kota Baharu, Kelantan

11. Jabatan Penyiaran Perlis
Tingkat 6, Bangunan KWSP,
01000 Kangar, Perlis

12. Jabatan Penyiaran Pahang
Peti Surat 152, Jalan Kemunting,
25710 Kuantan, Pahang

13. Jabatan Penyiaran Negeri Sembilan
Kompleks Penyiaran Tuanku Muhammad, Lot 24157, Sg. Gadut,
71450 Seremban, Negeri Sembilan

14. Jabatan Penyiaran Melaka
Jalan Taming Sari,
75614 Melaka

15. Jabatan Penyiaran Langkawi
Tingkat 1 & 2 Bangunan Tabung Haji,
07000 Kuah Langkawi, Kedah

16. Jabatan Penyiaran Tawau
Jalan Chong Thien Vun, Peti Surat 606,
91008 Tawau, Sabah

17. Jabatan Penyiaran Sandakan
52, Tingkat 6, Wisma Persekutuan,
KM11 Jalan Labuk,
90000 Sandakan, Sabah

18. Jabatan Penyiaran Keningau
Tingkat 1, Bangunan Persekutuan,
89008 Keningau, Sabah

19. Jabatan Penyiaran Miri
Jalan Temenggong Oyong Lawai Jau
98000 Miri, Sarawak

20. Jabatan Penyiaran Sri Aman
Jabatan Penyiaran RTM Sri Aman,
95000 Sri Aman

21. Jabatan Penyiaran Kajang
Seksyen Teknikal Rangkaian,
Batu 13 1/2 Jalan Cheras,
43000 Kajang, Selangor

22. Jabatan Penyiaran Bintulu
Tingkat 1 & 2,
Bangunan BDA Lama,
Jalan SOMMERVILLE, 97008 Bintulu, Sarawak

23. Jabatan Penyiaran Limbang
98700 Limbang, Sarawak

24. Jabatan Penyiaran Sibul
Jalan Tun Abang Haji Openg
96000 Sibul, Sarawak